

PEMEROLEHAN BAHASA WANITA DEWASA PEKAK MELALUI ANALISIS NEUROPSIKOLINGUISTIK

Siti Noridayu Abd. Nasirⁱ, Hazlina Abdul Halimⁱⁱ & Sharil Nizam Sha'riⁱⁱⁱ

ⁱ(*Pengarang Bersama*)Pelajar, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Malaysia, noridayu87_nasir@yahoo.com

ⁱⁱPensyarah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Malaysia, hazlina_ah@upm.edu.my

ⁱⁱⁱ Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Malaysia, sharil@upm.edu.my

Abstrak

Cacat pendengaran atau pekak merupakan salah satu masalah yang dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU). Lazimnya, orang pekak mengalami masalah dalam sistem pendengaran yang menyebabkan mereka tidak dapat menangkap butir percakapan daripada orang lain. Bagaimanapun, terdapat orang pekak yang juga bisu dalam masa yang sama. Oleh yang demikian, orang pekak menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi. Walaupun, masalah pekak juga dikaitkan dengan faktor usia tetapi pekak juga boleh dialami secara semula jadi kepada manusia sejak lahir. Oleh itu, kajian ini memfokuskan pemerolehan bahasa oleh seorang wanita dewasa pekak yang mengalami kecacatan ini sejak lahir. Selain itu, kajian ini bertujuan memperjelaskan proses neurologi manusia dengan masalah dalam pemerolehan bahasa wanita pekak. Malahan, kajian ini menerapkan aplikasi teori Interaksionalis yang dipelopori oleh Bloom (1970), Bowennan (1973), Gromer (1976) yang berpendapat bahawa kognitif sahaja tidak boleh menjelaskan penguasaan bahasa. Oleh yang demikian, teori yang mementingkan komunikasi ini sesuai untuk menerapkan kajian terhadap wanita dewasa yang hanya mengalami masalah pekak sejak lahir. Maka, kajian ini mempunyai peri pentingnya untuk meneliti sejauh mana tahap pemerolehan bahasa wanita pekak bagi dalam komunikasi seharian. Adalah diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat menjadi rujukan dan membantu penyelidikan tentang masalah berkaitan aspek linguistik manusia pekak pada masa akan datang.

Kata kunci: *wanita dewasa pekak, neuropsikolinguistik, Teori Interaksionalis, Bloom (1970) Bowennan (1973) Gromer (1976)*

1.0 PENGENALAN

Cacat pendengaran juga dikenali sebagai pekak atau tuli di Malaysia. Kemudian, individu pekak juga tidak semestinya bisu walaupun terdapat individu pekak yang mengalami kecacatan bisu dalam satu masa yang sama. Lazimnya, individu yang mengalami masalah pekak sejak lahir akan mendapatkan pengesahan pengamal perubatan bertauliah (doktor) bagi mendapatkan kad Orang Kelainan Upaya (OKU). Melalui cara ini, pelbagai kemudahan dari segi pendidikan, kemahiran dan bantuan disediakan oleh pihak berwajib kepada individu kategori OKU pekak.

Menurut, Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2011:187) pekak bererti tuli. Manakala, Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:1161) mendefinisikan pekak sebagai tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar dengan baik, tuli. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah "cacat pendengaran" adalah perkataan yang santun digunakan dalam situasi tertentu. Namun begitu, perkataan "pekak" dan "tuli" boleh digunakan jika keadaan sesuai.

Seterusnya, penulisan ilmiah ini adalah kajian tentang seorang wanita pekak yang mengalami cacat pendengaran sejak lahir lagi. Kajian ini dijalankan di Tambun Tulang, Perlis pada 7 Jun 2019 yang bertempat di kediaman keluarga responden. Data ini dicatat bermula pukul 10.00 pagi hingga 6.00 petang. Oleh itu, kajian ini bersifat penelitian secara berfokus kepada responden tersebut.

Petunjuk pergerakan isyarat yang dikelaskan oleh Persekutuan Orang Pekak Malaysia (2014) adalah tanda bertitik yang menunjukkan kedudukan tangan sebelum bergerak, pergerakan mengikut anak panah sama ada melengkung, panjang, pendek, jauh atau berombak-ombak juga jari-jari atau tangan yang bergerak serta pergerakan bulatan mengikut jam. Malahan,

Persekutuan Orang Pekak Malaysia (2014) isyarat tangan telah dibahagikan kepada 30 ciri-ciri penggunaan untuk memudahkan penggunan mencari isyarat-isyarat tertentu.

Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed (2017) memperjelaskan tentang kecacatan bahasa dan otak dalam penulisan ilmiah. Dalam penulisan ini ditekankan tentang kebolehan mendengar serta bertutur bagi manusia yang mengalami kecacatan bahasa. Kemudian, dihuraikan dengan lebih lanjut tentang pemerolehan dan bahasa. Dalam kecacatan bahasa diterangkan tentang konsep kecacatan komunikasi, hubungan komunikasi, bahasa dan pertuturan, punca kecacatan bahasa juga kategori kecacatan dalam komunikasi. Seterusnya, adalah tentang kecacatan bahasa serta komunikasi yang berlaku dalam kalangan pelajar, bahasa komunikasi orang pekak serta keistimewaan juga cabaran orang pekak.

Nik Hassan Seman et al. (2016) menjalankan kajian tentang analisis permasalahan pelajar cacat pendengaran dalam subjek Pendidikan Islam di sekolah. Kajian ini dijalankan bertujuan membincangkan permasalahan yang timbul kepada pelajar cacat pendengaran semasa proses pembelajaran di kelas khas. Hasil dapatan kajian menunjukkan guru-guru sukar menerangkan konsep dalam subjek Pendidikan Islam kerana proses dalam subjek ini melibatkan aspek yang bersifat abstrak seperti topik akidah. Oleh yang demikian, melalui kajian ini penyelidik mencadangkan agar mendapatkan guru yang berkemahiran, perubahan kurikulum pembelajaran, sokongan daripada pihak pengurusan, komitmen dan tanggungjawab, peranan kaunselor, sokongan ibu bapa dan orang sekeliling serta persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk pelajar pekak.

Mohd Hanafi bin Mohd Yasin & Nor Salliza Zakaria (2015) menjalankan kajian tentang masalah dalam penggunaan alat bantu pendengaran pelajar sekolah pekak. Kajian ini memfokuskan kepada faktor dan masalah yang berlaku dalam penggunaan alat bantu pendegaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan penggunaan alat bantu pendengaran telah menyebabkan mereka tidak dapat memberikan perhatian semasa kelas kerana kesakitan berpanjangan. Faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak mahu menggunakan alat bantu pendengaran kerana tidak selesa dan sakit di telinga tengah. Kemudian, faktor alat bantu pendengaran yang kerap kehabisan bateri menyebabkan alat itu tidak dapat digunakan sepenuhnya.

Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed (2014) meneliti tentang bagaimana memahami komunikasi dalam kalangan orang pekak. Dalam penulisan ini diterapkan tentang pengalaman bersama orang pekak, pengenalan kepada komunikasi, bahasa, pertuturan dan isyarat bagi orang pekak. Kemudian, tentang pengenalan kepada bahasa orang pekak, ejaan jari dan angka yang digunakan orang pekak, pengaruh persekitaran serta orang pekak sebagai sebahagian orang cacat. Seterusnya, penulis menghuraikan dengan teliti tentang orang pekak yang menjadi pengguna bahasa minoriti juga mengangkat bahasa isyarat orang pekak.

Shahrul Arba'iah Othman et al. (2008) menjalankan kajian tentang faktor ibu bapa dalam kecemerlangan akademik pelajar pekak dalam retrospektif. Kajian ini memfokuskan kepada untuk memahami faktor peranan ibu bapa dalam akademik anak yang mengalami masalah pekak. Hasil dapatan kajian menunjukkan kecemerlangan akademik pelajar pekak bergantung pada dua faktor. Antaranya, diri pelajar sendiri dan keluarga mereka. Malahan, sikap ibu bapa, penglibatan, jangkaan, persekitaran serta sumber ibu bapa menjadi faktor penting. Malahan, kajian ini memberikan impak bagi persediaan khidmat intervensi awal yang lebih baik dengan memberikan peluang pendidikan yang sama kepada pelajar pekak. Selain itu, peranan agensi-agensi terlibat amat penting dalam kolaborasi untuk menyediakan khidmat sokongan untuk pelajar pekak.

2.0 PERSEKITARAN RESPONDEN

Faktor yang melibatkan persekitaran dalam kehidupan responden begitu penting bagi menghubungkaitkan hasil kajian yang diperolehi. Hal ini kerana, apa yang berlaku di sekeliling responden begitu mempengaruhi pemerolehan bahasa Melayu dalam pertuturan responden. Malahan, rangsangan yang diberikan dalam pemerolehan bahasa adalah berbeza mengikut tahap pengetahuan manusia. Lazimnya, manusia yang mengalami cacat pendengaran memerlukan rangsangan yang lebih bagi membantu mereka.

Oleh yang demikian, penyelidik menjalankan pemerhatian dalam budaya komunikasi yang berlaku pada keluarga responden. Hal ini kerana, tindak balas melebihi seorang dalam komunikasi memainkan peranan yang penting bagi menentukan sama ada komunikasi tersebut berkesan atau tidak.

Malahan, bagi berkomunikasi dengan individu yang mengalami masalah cacat pendengaran terdapat dua jenis komunikasi yang terlibat semasa menyampaikan maklumat. Komunikasi dibahagikan kepada verbal dan non-verbal. Di mana verbal merupakan komunikasi yang menggunakan pertuturan lisan. Manakala, komunikasi secara non-verbal menggunakan bahasa badan yang lebih sinonim sebagai bahasa isyarat bagi orang pekak.

Hal ini kerana, responden hanya bersekolah hingga berusia 15 tahun. Maka, pemerolehan bahasa lisan responden berada pada tahap yang minima. Namun begitu, alat bantu pendengaran telah membantu responden mendapat bahasa melalui orang di sekelilingnya. Walau bagaimanapun, bahasa lisan tersebut perlu dibantu dengan bahasa badan untuk memahamkan responden.

Tambahan lagi, bagi membantu responden faham tentang perkataan, situasi dan kehendak dalam komunikasi terdapat beberapa cara yang digunakan oleh orang sekelilingnya. Namun begitu, dalam kajian ini teknik yang digunakan oleh ahli keluarga responden sahaja akan diperjelaskan. Antaranya, mengulangi percakapan, menggunakan isyarat tangan serta badan dan gerak bibir.

2.1 Mengulangi Percakapan

Keluarga responden dilihat memberikan sokongan yang baik terhadap komunikasi yang berlaku dalam rumah mereka. Malahan, keluarga responden menerima dengan baik masalah cacat pendengaran yang dihadapi responden sejak awal lagi. Oleh yang demikian, seluruh keluarga responden tidak kekok dalam komunikasi seharian mereka.

Antara cara yang digunakan oleh keluarga responden apabila dilihat sesuatu maklumat gagal disampaikan dengan jelas kepada responden adalah mengulangi semula sesuatu perkataan yang diungkapkan. Hal ini kerana responden tidak dapat menguasai sepenuhnya sebutan yang betul dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Namun begitu, perbuatan mengulangi percakapan hingga responden benar-benar memahami apa yang hendak disampaikan banyak membantu pemerolehan bahasa Melayu kepada responden. Walaupun dilihat mengulangi semula percakapan memerlukan banyak masa tetapi dapat membantu sesuatu maklumat disampaikan dengan jelas.

2.2 Menggunakan Isyarat Tangan Serta Badan

Penggunaan isyarat tangan merupakan cara yang praktikal untuk memberikan pemahaman yang baik kepada individu cacat pendengaran. Malahan, penggunaan isyarat tangan atau bahasa isyarat dalam menyampaikan maklumat dengan baik. Tambahan lagi, bahasa isyarat kepada individu cacat pendengaran telah menjadi medium yang baik sebagai alat komunikasi utama di seluruh dunia.

Oleh yang demikian, penggunaan bahasa isyarat yang mempraktikkan pergerakan tangan digunakan oleh keluarga responden. Hal ini kerana, responden lebih memahami apabila sesuatu perkataan ditunjukkan juga melalui pergerakan tangan sebagai rujukan. Tambahan lagi, isyarat tangan boleh dipelbagaikan bergantung kepada sesuatu maklumat.

Kemudian, mengikut pemerhatian yang dijalankan oleh penyelidik semasa kajian dijalankan bahasa badan (non-verbal) juga diaplikasikan oleh keluarga responden. Di mana, keluarga responden cuba melakonkan sesuatu situasi yang ingin diceritakan dan disampaikan kepada responden. Oleh itu, cara lakonan melalui penggunaan anggota badan merupakan teknik yang baik untuk pemahaman responden.

2.3 Gerak Bibir

Masalah cacat pendengaran boleh menyebabkan sesuatu sebutan yang digunakan oleh individu normal boleh bertukar kepada sebutan lain. Hal ini demikina kerana, individu cacat pendengaran tidak dapat mendengar dengan baik dan jelas butir-butir percakapan yang disebutkan. Maka, sesuatu perkataan akan berubah kepada sebutan yang lain dan hampir sama. Namun begitu, bunyi perkataan yang diungkapkan responden tidak menepati perkataan sebenar.

Seterusnya, responden merupakan seorang wanita berusia 32 tahun yang hanya mengalami masalah cacat pendengaran tetapi tidak bisu. Hal ini menunjukkan bahawa responden dapat bercakap dan mengungkapkan perkataan tetapi tidak dapat mendengar. Maka, masalah pendengaran merupakan halangan utama dalam pemerolehan bahasa Melayu yang berkesan oleh responden.

Oleh itu, responden hanya dapat mendengar apabila memakai alat bantu pendegaran. Namun begitu, penggunaan alat bantu pendengaran masih lagi tidak jelas didengari setiap patah butir percakapan. Malahan, penggunaan dialek negeri (utara) tidak menggunakan bahasa Melayu standard atau baku.

Kemudian, dalam pemerhatian yang dijalankan oleh penyelidik mendapati keluarga responden menggunakan gerak bibir secara perlahan-lahan bagi memudahkan responden memahami apa yang hendak disampaikan. Walaupun, perlu mengulangi sebutan sesuatu perkataan tetapi melalui gerak bibir sesuatu perkataan dapat difahami oleh responden. Walau bagaimanapun, tidak semua suku kata daripada gerak bibir dapat ditangkap dengan baik oleh responden.

3.0 Dapatan Kajian dan Teori

Hasil dapatan kajian lazimnya dipengaruhi oleh faktor demografi, persekitaran, sokongan keluarga dan tahap pendidikan di sekolah khas yang pernah dilalui oleh responden. Hal ini demikian kerana, faktor -faktor tersebut mempengaruhi penggunaan bahasa mahupun dialek yang digunakan oleh responden sekaligus menjadi penyumbang kepada pemerolehan bahasa responden kajian.

Oleh yang demikian, kajian ini terbatas dengan penggunaan bahasa serta dialek yang digunakan oleh responden serta keluarganya. Maka, kajian ini mengambil kira penggunaan dialek utara yang dipraktikkan di negeri Perlis. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada pemerolehan bahasa Melayu sebagai bahasa utama yang digunakan responden sejak kecil hingga kini.

Malahan, kajian ini bertujuan melihat penggunaan kata "tidak" dalam sesuatu perbualan bagi menafikan sesuatu perkara oleh responden serta menolak sesuatu perkara yang diajukan kepadanya. Oleh itu, kajian ini hanya memberikan fokus kepada aplikasi perkataan "tidak" yang menggunakan sokongan daripada keluarga responden. Hal ini kerana, penggunaan perkataan

“tidak” menggunakan pengulangan semula sebutan, isyarat tangan serta badan dan gerak bibir dalam menyampaikan maklumat.

3.1 Penggunaan Kata “tidak”

Penggunaan perkataan yang dikaitkan dengan “tidak” dicatatkan oleh penyelidik bersama perlakuan yang berlaku ketika perbualan tersebut sedang berlaku. Hal ini kerana penggunaan perkataan “tidak” mempunyai kaitan dengan bantuan serta cara keluarga responden berkomunikasi bersama.

Jadual 1. Penggunaan Perkataan “tidak” oleh Responden.

Bil.	Ayat	Bahasa Melayu Standard
1.	“Aku ta mau pi...”	Aku tidak mahu pergi...
2.	“Aku ta tau...”	Aku tidak tahu...
3.	“Aku ta takut aihhh...”	Aku tidak takut...
4.	“Aku ta len:no lagi...”	Aku tidak tidur lagi...
5.	“Aku ta makan...”	Aku tidak makan...
6.	“Aku ta minum...”	Aku tidak minum...
7.	“Aku ta dak luit...”	Aku tidak ada wang...
8.	“Aku ta lapaq gi...”	Aku tidak lapar lagi...

Jadual 1 menunjukkan terdapat lapan ayat yang disebutkan mempunyai perkataan yang dimaksudkan “tidak” oleh responden. Penggunaan “tidak” oleh responden dilihat bertujuan menafikan sesuatu perkara, menolak sesuatu perkara mahupun ajakan serta bertujuan menyatakan masih belum melakukan sesuatu perkara.

Oleh itu, ayat pertama adalah “Aku ta mau pi...” yang bermaksud *Aku tidak mahu pergi...* dalam bahasa Melayu standard bertujuan memberitahu bahawa responden menolak untuk pergi ke sesuatu destinasi. Diikuti, perkataan kedua yang diungkapkan responden “Aku ta tau...” yang bermaksud *Aku tidak tahu...* yang bertujuan menafikan tentang pengetahuannya terhadap sesuatu perkara yang sedang ditanyakan kepada responden.

Kemudian, ayat ketiga “Aku ta takut aihhh...” yang bermaksud *Aku tidak takut...* dalam bahasa Melayu standard bertujuan memberitahu bahawa responden tidak berasa takut terhadap sesuatu perkara yang menjadi isi perbualan bersama keluarganya. Bagi ayat “Aku ta len:no lagi...” yang bermakna *Aku tidak tidur lagi...* dalam bahasa Melayu standard adalah memberitahu keluarganya bahawa responden masih belum tidur atau melelapkan mata lagi pada ketika itu.

Seterusnya, ayat kelima adalah “Aku ta makan...” yang bermaksud *Aku tidak makan...* dalam bahasa Melayu standard bertujuan memberitahu bahawa responden pada ketika itu masih lagi belum makan sesuatu. Malahan, ayat ini juga boleh merujuk kepada responden yang tidak makan sesuatu makanan kerana sebab-sebab tertentu. Diikuti, ayat “Aku ta minum...” yang bermaksud *Aku tidak minum...* dalam bahasa Melayu standard. Pemerolehan bahasa yang terhad menyebabkan responden mempunyai dua tujuan penggunaan ayat “Aku ta minum...”, iaitu menyatakan masih belum minum lagi atau tidak minum sesuatu minuman atas sebab-sebab tertentu.

Ungkapan ayat ketujuh adalah “Aku ta dak luit...” yang bermaksud *Aku tidak ada wang...* dalam bahasa Melayu standard bertujuan memberitahu kepada keluarga responden bahawa dia tidak mempunyai wang. Bagi ayat “Aku ta lapaq gi...” yang bermaksud *Aku tidak lapar lagi...* dalam bahasa Melayu standard membawa makna bahawa responden masih belum berasa lapar atau ingin menjamah makanan pada masa itu.

Didapati responden menggunakan perkataan “tidak” dengan menggelengkan kepadanya tanda menolak, menafikan, tidak mahu dan tidak mempunyai sesuatu. Malahan, pergerakan menggeleng kepala dilakukan bersama pergerakan tangan. Kedua-dua isyarat bahasa badan (non-verbal) ini dilakukan serentak bagi memberikan pemahaman tentang maklumat yang hendak disampaikan kepada keluarga responden.

Penggunaan *ta* oleh responden adalah singkatan kepada perkataan *tidak*, iaitu *tak*. Namun begitu, masalah pendengaran yang dialami telah mengurangkan pendengarannya yang menyebabkan berlakunya pengguguran konsonan *k* dalam sebutan tersebut. Malahan, penggunaan dialek utara digunakan oleh responden kerana menjadi bahasa komunikasi dalam keluarganya sebagai pertuturan harian.

3.2 Perkaitan dengan Teori Interaksionalis

Teori Interaksionalis berkembang sekitar tahun 60-an yang dipelopori oleh Bloom (1970), Bowennan (1973) dan Gromer (1976). Kemudian, mereka berpandangan bahawa kognitif sahaja tidak dapat menjelaskan penguasaan bahasa dan hanya dapat mentafsirkan makna yang menjadi bentuk bahasa. Oleh itu, pemerolehan bahasa melibatkan proses kognitif dan interaksi bahasa. Hal ini kerana, manusia boleh bertindak balas dengan pengalaman mereka. Malahan, dalam proses pembelajaran bahasa juga manusia perlu percaya terhadap dunia sekeliling mereka dengan keyakinan diri. Selain itu, pengaruh sekeliling merupakan salah satu faktor pemerolehan bahasa manusia.

Kemudian, teori Interaksionalis adalah interaksi sosial yang berlaku setiap hari. Oleh yang demikian, individu berinteraksi bagi mendapatkan tujuan atau matlamat yang sama dalam komunikasi. Malahan, dalam interaksi juga banyak menggunakan simbol seperti warna, lambang dan sebagainya untuk membina hubungan sosial. Maka, komunikasi serta cara hidup manusia adalah simbolik tersendiri yang begitu penting juga saling memahami oleh setiap individu dalam hubungan sosial.

Seterusnya, teori Interaksionalis yang berlaku kepada wanita cacat pendengaran (responden) melibatkan proses kognitif dan interaksi bahasa yang berlaku di sekeliling responden. Keluarga responden merupakan individu utama dalam kehidupannya yang terlibat dalam interaksi sosial melibatkan komunikasi harian. Walaupun, responden berinteraksi dengan orang lain yang bukan daripada ahli keluarganya tetapi memerlukan masa yang panjang untuk mendapat keserasian. Hal ini kerana, permulaan pemerolehan bahasa responden bermula daripada rumah (keluarga responden).

Malahan, interaksi responden bertujuan mendapatkan matlamat yang sama dengan ahli keluarga yang berkomunikasi dengannya. Hal ini bertujuan, memahami sesuatu maklumat penting, bercerita, berbual dan memberitahu sesuatu perkara. Oleh yang demikian, keterbatasan serta kekurangan perbendaharaan kata yang dimiliki responden memerlukan bantuan lain dalam menyampaikan maklumat. Antara kelebihan dalam teori Interaksionalis adalah komunikasi yang melibatkan penggunaan warna, lambang, simbol dan sebagainya. Maka, responden menggunakan elemen lain yang dapat membina hubungan sosialnya untuk memberikan pemahaman serta menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan.

3.3 Dapatan Lain Semasa Kajian

Dalam kajian yang melibatkan pemerhatian oleh penyelidik terdapat dapatan lain semasa kajian dijalankan. Malahan, kajian yang melibatkan Orang Kelainan Upaya (OKU) memerlukan penelitian terhadap aspek neurologi (melibatkan bahasa dan otak), psikologi responden serta aspek linguistik yang digunakan.

Oleh yang demikian, semasa kajian berjalan juga penyelidik menjalankan pemerhatian terhadap tingkah laku responden. Aspek perlakuan responden diperhatikan ketika berlakunya komunikasi melibatkan perkataan “tidak”. Hal ini kerana, pada kelazimannya individu yang mengalami masalah dalam sebarang kecacatan mempunyai tahap emosi yang berbeza dengan individu normal.

Melalui pemerhatian yang dijalankan terhadap responden terdapatnya unsur emosi dalam menyampaikan maksud melalui perkataan “tidak”. Hal ini kerana, responden cuba menarik perhatian terhadap apa yang sedang dialaminya. Malahan, melalui emosi serta mimik wajah yang ditunjukkan dapat menggambarkan perasaan responden ketika itu.

Selain itu, responden dapat menggunakan teknologi telefon bimbit yang mempunyai jaringan komunikasi tanpa sempadan. Walau bagaimanapun, penggunaan telefon bimbit hanya melibatkan orang yang dikenali dan memahami butir perkataan responden. Penggunaan telefon bimbit yang mempunyai video serentak dengan panggilan dapat membantu komunikasi suami responden bersamanya bagi menyampaikan maklumat kerana dapat melihat bahasa badan (non-verbal) sebagai bantuan komunikasi.

4.0 PENUTUP

Kesimpulannya, wanita cacat pendengaran yang telah berusia 32 tahun (dewasa) dapat berkomunikasi dengan ahli keluarga kerana mendapat sokongan. Malahan, masalah yang dihadapi oleh responden hanya pekak tetapi tidak bisu menjadikan pemerolehan bahasa Melayu boleh difahami dengan baik. Walaupun, pemahaman dalam sesuatu maklumat tidak jelas tetapi komunikasi dapat dibantu menggunakan perulangan sebutan ayat, isyarat tangan serta badan dan gerak bibir. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa individu Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mengalami masalah cacat pendengaran dapat dibantu dengan pelbagai inisiatif oleh orang sekeliling. Maka, pentingnya permulaan pemerolehan bahasa yang bermula daripada rumah lagi bagi memantapkan komunikasi OKU yang dikategorikan sebagai pekak.

RUJUKAN

- Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamad. (2017). *Memahami Kecatatan Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yusoff . (2014). *Kemahiran Komunikasi Komunikasi Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2011). *Tesaurus Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Batu caves, Selangor, Malaysia: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Hajah Noresah Baharom *et, al.* (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hanafi bin Mohd Yasin & Nor Salliza Zakaria (2015). Masalah Penggunaan Alat Bantu Pendengaran Dalam Kalangan Murid Pekak. Seminar Majlis Dekan Fakulti Pendidikan Malaysia, di UTHM, Batu Pahat Malaysia.
- <http://www.scribd.com/doc/53839283/20/Teori-Pemerolehan-Bahasa-Interaksionalis>
- <http://www.scribd.com/doc/3951911/TEORI-PEMEROLEHAN-BAHASA-1>
- Nik Hassan Seman *et, al.* (2016). Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Ilmi*. Jilid 6, 2016: 105-124.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia. (2014). *Bahasa Isyarat Malaysia*. Selangor: Percetakan Indo Meditasi Sdn. Bhd.
- Shahrul Arba'iah Othman *et, al.* (2008). Faktor Ibu Bapa dalam Kecemerlangan Akademik Pelajar Pekak: Kajian Kes Retrospektif. *MJLI VOL. 5* (2008).79-98.

Biodata Ringkas Penulis

Siti Noridayu Abd. Nasir ialah pelajar Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Putra Malaysia dalam bidang *Applied Comparative Linguistik*. Mendapat Ijazah daripada UPM pada tahun 2014 dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu. Kemudian, mendapat Ijazah Master dengan penyelidikan (tesis) di UPM pada tahun 2017 dalam bidang Pengajian Wacana.